



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENANAMAN POKOK  
SEMPENA PEMASYHURAN MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI

### OLEH

YANG BERHORMAT DATO' Ir. HAJI AHMAD  
ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN  
**TIMBALAN KETUA MENTERI I PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**06 OKTOBER 2019 (AHAD)**  
**8.30 PAGI**

**TAPAK SETIA FONTAINES BERTAM PUTRA**  
**KEPALA BATAS**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**  
Puan Setiausaha Bandaraya

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ricky Yeo**  
Pengurus Besar Setia Fontaines Sdn. Bhd.

**Wakil United Nations Development Programme:-**

- 1. Mir Nadia Nivin**  
Governance Specialist
- 2. Lee Su-Anne –**  
Programme Analyst (Governance for development)
- 3. Christine Cheah**  
Project Coordinator

**Kakitangan-kakitangan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**  
-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Program Penanaman Pokok Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai di Tapak Setia Fontaines Bertam Putra yang dianjurkan oleh MBSP dengan kerjasama Setia Fontaines Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang yang telah sudi hadir dan seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa, komuniti, syarikat-syarikat swasta dan badan-badan bukan kerajaan yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada pagi yang indah ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih

dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita** kepada **4.0 tan CO<sub>2</sub>e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-

bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

MBSP telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022 dengan pelaksanaan berbagai program dan aktiviti di bawah Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 bagi mencapai “*Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi*”. MBSP akan terus komited untuk melaksanakan projek-projek untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi negeri hijau dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi. Ini termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*” di bawah Tema D “*Invest in the Built Environment to Improve Resilience*”. Salah satu program yang sedang dan hendak dilaksanakan adalah penanaman 100,000 pokok di seluruh Pulau Pinang.

Dalam mencapai sasaran ke arah Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022, MBSP melalui Hala Tuju Strategik ke Arah Bandaraya Seberang Perai yang Mampan dan Lestari, di bawah Strategi 5: Kehijauan dan Penyerapan, telah mensasarkan 100,000 pokok ditanam di seluruh Seberang Perai sebelum tahun 2022 dengan anggaran pokok ditanam setiap tahun berjumlah 25,000 pokok. Sehingga September 2019, jumlah pokok yang ditanam oleh MBSP di seluruh Seberang Perai adalah 263,630 batang pokok.

Inisiatif menanam pokok ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang sering melanda negara kita. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Pokok-pokok dalam kuantiti yang banyak mempengaruhi iklim, seterusnya memberi kesan kepada cuaca. Pokok-pokok yang ditanam di bandar boleh menjadi penghias kawasan, penghias bangunan, penghias pinggir jalan dan tidak kurang yang merujuknya sebagai penambah atau pemberi kesan kehijauan.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program penanaman pokok secara besar-besaran ini merupakan kali ketiga diadakan di Seberang Perai. Kali pertama ianya diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan pada 27 Ogos 2017, yang melibatkan penanaman 3,002 pokok teduhan jenis *Tecoma (Tabebuia sp.)* secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai.

Kali kedua diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan Dari Jenis *Xanthostemon chrysanthus (Golden Penda)* Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 pada 7 September 2019 di mana sebanyak 5,100 pokok Golden Penda ditanam di 44 lokasi di Seberang Perai.

Program Penanaman Pokok kali ini diadakan Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai yang melibatkan penanaman 5,555 pokok secara serentak di seluruh Seberang Perai. Sebanyak 40 lokasi telah dikenalpasti dengan lokasi utama di sini iaitu kawasan lapang Setia Fontaines, Bertam, Kepala Batas, SPU. Sebanyak 10 spesies pokok akan ditanam iaitu:-

1. *Messua ferra* (Penaga Lilin) ditanam di Parlimen Kepala Batas;
2. *Mimusops elengi* (Tanjung) ditanam di Parlimen Bagan;
3. *Calophyllum inophyllum* (Penaga Laut) ditanam di Parlimen Tasek Gelugor;
4. *Azadirachta indica* (Mambu) ditanam di Parlimen Permatang Pauh;
5. *Cassia fistula* Golden Shower ditanam di Parlimen Bukit Mertajam;
6. *Samanea saman* (Hujan-Hujan) ditanam di Parlimen Nibong Tebal;
7. *Tabebuia agentea* (Silver Trumpet Tree) ditanam di Parlimen Batu Kawan;
8. *Areca catechu* (Pinang);
9. *Malayan yellow dwarf coconut* (Kelapa Kuning Renek); dan
10. *Xanthosmon chrysanthus* (Golden Penda).

Di lokasi utama di sini, sebanyak 600 pokok jenis Penaga Lilin (*Messua ferra*) akan ditanam di sini oleh kakitangan MBSP dan Setia Fontaines Sdn. Bhd.



Perlaksanaan program ini adalah secara 7Ps [*People, Public, Private, Philantrophy, Philosopher, Planet & Partnership*] yang melibatkan kerjasama di antara MBSP, Ahli-Ahli Majlis MBSP dan 14 syarikat-syarikat swasta dan United Nations Development Programme.

United Nations Development Programme (UNDP) telah menyumbangkan sebanyak RM10,000.00 untuk Program Penanaman Pokok Sempenan Pemasyuhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ini merupakan satu kolaborasi MBSP dan UNDP dalam mempromosikan Sustainable Development Goals 11, 13 dan 17. Kolaborasi ini memberi penekanan kepada peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: "*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*"; SDG 13: "*Take urgent action to combat climate change and its impact*"; dan dalam mengamalkan 7Ps selaras dengan SDG17: "*Strengthen the means of implementation and revitalise the global partnership for sustainable development*".

Penyumbang-penyumbang atau penaja-penaja sumbangan pokok untuk program ini adalah:-

**SENARAI PENAJA SUMBANGAN POKOK BAGI PROGRAM PENANAMAN POKOK  
SEMPENA PEMASYHURAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

<b>BIL</b>	<b>PENAJA</b>	<b>JUMLAH</b>
1	SP Setia	800
2	Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd.	300
3	Eco World	300
4	Tah Wah Group	200
5	Eurasia Express Sdn. Bhd.	200
6	Penang Sentral Sdn. Bhd. (sumbangan wang RM10,000.00)	160
7	IJM Land	100
8	PJD Eastern Land Sdn. Bhd.	100
9	JKP Sdn. Bhd.	100
10	Sunway Property	100
11	SJKC Mak Mandin & MasMeyer Foundation	100
12	Belleview Group	100
13	Oriental Max	80
14	Autocity	50
15	AHLI MAJLIS	100
16	UNDP (SUMBANGAN WANG TUNAI RM 10 000.00)	
	<b>JUMLAH POKOK</b>	<b>2,790</b>

**BEKALAN POKOK SELAIN SUMBANGAN**

<b>BIL</b>	<b>PEMBEKAL</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Syarikat Lapangan Sdn. Bhd. (penggantian pokok)	14
2	MBSP	400
3	Tapak Semaian SPU	2287
4	Thien Chong Sdn. Bhd. (penggantian pokok)	42
5	DNP Land Sdn. Bhd (penggantian pokok)	22
	<b>JUMLAH POKOK</b>	<b>2,765</b>

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MBSP komited dengan hasrat Kerajaan Negeri, menjadikan Negeri Pulau Pinang, negeri hijau pertama di Malaysia. MBSP akan terus merealisasikan penanaman pokok di seluruh Seberang Perai. Saya berharap agar suatu hari nanti, Seberang Perai dapat mencapai penanaman 1,000,000 juta pokok di Seberang Perai.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan Program Penanaman Pokok Sempena Pemasytuhan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ini termasuklah warga MBSP, Setia Fontaines Sdn. Bhd., penaja-penaja dan kesemua individu yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam aktiviti penanaman pokok pagi ini. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan MBSP yang bertungkus lumus dalam persiapan penganjuran program ini dan penaja-penaja yang telah memberi sumbangan pokok-pokok untuk program ini. Harapan saya, hubungan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan dengan lebih erat lagi dalam program-program akan datang.

Kerjasama dan komitmen semua pihak adalah amat diperlukan dalam merealisasikan hasrat MBSP. Sehubungan itu, saya ingin menjemput dan menyeru kepada badan-badan korporat, yang berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan MPSP dalam program seumpama ini dalam menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Program penanaman pokok ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa untuk memupuk sifat kerjasama dan bersatu hati bagi merealisasikan harapan Kerajaan Negeri.

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, ingin saya nyatakan di sini bahawa Seberang Perai telah mencapai satu kemuncak dalam penitiran evolusi bandar. Seberang Perai telah mencapai taraf bandaraya dari usaha gigih warga kerja MBSP, pimpinan yang berwawasan dan rakyat yang bermuafakat. Saya mengharapkan agar anugerah ini dapat dipertahankan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai “ ***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow***”. ***Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua.***

Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang,

warga kerja MPSP, Setia Fontaines Sdn. Bhd. serta seluruh penduduk Seberang Perai yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas usaha-usaha MBSP.

**Dengan ini, saya akhiri ucapan saya ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**